

GARIS PANDUAN PERMOHONAN LESEN PEMBERI PINJAM WANG

Bil	Dokumen yang diperlukan	Keterangan
1.0	Surat Permohonan	<ul style="list-style-type: none"> Surat iringan (covering letter) mesti disertakan
2.0	Borang Permohonan Lesen Pemberi Pinjam Wang [Borang Jadual A, PPW (K&P) 2003]	<ul style="list-style-type: none"> Borang permohonan hendaklah dipastikan diisi dengan lengkap dan ditandatangani dengan sempurna serta dicatatkan nama, no. k/p, bertarikh dan jawatan penandatanganan, dan dicop/meteri am syarikat.
3.0	Sesalinan kad pengenalan yang telah diakui sah bagi setiap pemohon/ pemegang jawatan/ pekongsi/ lembaga pengarah	<ul style="list-style-type: none"> Sekiranya pemohon/ pemegang jawatan/ pekongsi/ lembaga pengarah adalah merupakan warga negara asing, mereka dikehendaki mengemukakan salinan <i>passport</i> antarabangsa yang telah diakui sah.
4.0	Sesalinan Akuan Berkanun seperti yang dinyatakan dalam Jadual C, PPPW (K&P) 2003.	<ul style="list-style-type: none"> Pemohon/ pemegang jawatan/ pekongsi/ lembaga pengarah hendaklah memotong salah satu pernyataan saya/kami pada setiap ayat yang berkenaan. Akuan tersebut hendaklah dibuat dihadapan hakim Mahkamah Sesyen, Majistret, atau Pesuruhjaya Sumpah
5.0	Borang D, Kata Pendaftaran Perniagaan 1956 (Sijil Perakuan Pendaftaran Perniagaan) atau Borang 9, Akta Syarikat 1965 (Sijil Pendaftaran Syarikat)	<ul style="list-style-type: none"> Pastikan bahawa perniagaan yang dijalankan oleh pemohon sama dengan maklumat dalam borang permohonan lesen dan masih lagi sah tempoh kuatkuasanya. (rujuk tarikh tamat perniagaan pada Sijil Perakuan Pendaftaran Perniagaan – Borang D) Setiap salinan dokumen hendaklah disahkan.
6.0	Borang 24 Akta Syarikat 1965 dan <i>Form of Annual Return</i> terbaru (menjelaskan kedudukan modal berbayar syarikat) atau sesalinan sah penyata akaun bank bagi tempoh tiga (3) bulan terkini.	<ul style="list-style-type: none"> Modal berbayar syarikat (dalam bentuk tunai) atau Penyata akaun bank pertubuhan / badan perseorangan/ individu yang terkini hendaklah menunjukkan jumlah minimum sebanyak RM 500,000. Setiap salinan dokumen hendaklah disahkan.
7.0	Borang 49, Akta Syarikat 1965 atau Borang A/B, Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (Maklumat Perniagaan dan maklumat pemilik semasa)	<ul style="list-style-type: none"> Pastikan bahawa perniagaan yang dijalankan oleh pemohon sama dengan maklumat dalam borang permohonan. Setiap salinan dokumen hendaklah disahkan.
8.0	Sesalinan sah akaun beraudit yang terkini; atau akaun pengurusan terkini (bagi syarikat baru)	<ul style="list-style-type: none"> Sekiranya lembaran imbalan kunci kira-kira dalam akaun beraudit berkenaan menunjukkan defisit, maka pemohon/ pemegang jawatan/ pekongsi/ lembaga pengarah hendaklah mengemukakan bukti sumber kewangan tambahan daripada bank/ institusi lain bagi membiayai perniagaan
9.0	Sesalinan Memorandum dan Artikel Pertubuhan atau Sesalinan kaedah-kaedah undang-undang kecil pertubuhan/ yayasan/ perkongsian/ dsb.	<ul style="list-style-type: none"> Kandungan hendaklah mencatatkan dengan jelas bahawa salah satu objek syarikat adalah sebagai pemberi pinjam wang
10.0	Surat/ laporan tapisan Polis Diraja Malaysia (PDRM)	<ul style="list-style-type: none"> Kandungan surat/ laporan hendaklah memberi maksud bahawa pihak PDRM tiada apa-apa halangan berkenaan permohonan pemohon/ pemegang jawatan/ pekongsi/ lembaga pengarah bagi syarikat berkenaan.